

Kompilasi Laman Tafaqquh

Vol. 1



Jabatan Syariah
Bank Muamalat Malaysia Berhad

2010

Isi Kandungan

1. Balasan Bagi Orang Yang Meringankan Beban Orang Lain
2. Keutamaan Budi Pekerti Yang Baik
3. Edisi Aidil Fitri-Datangnya Aidilfitri, Berakhirnya Ramadhan
4. Pertolongan Dan Pemeliharaan Daripada Allah S.W.T
5. Persaudaraan Dalam Islam Dan Hak Individu Muslim
6. Punca Kelemahan Umat Islam
7. Berpegang Pada Sunnah Rasulullah S.A.W
8. Tanggungjawab Orang Yang Beriman
9. Salah Faham Konsep Ibadah
10. Manusia Yang Rugi
11. Manusia Yang Zalim Dan Jahil
12. Serampang Dua Mata
13. Hijrah Dan Jihad
14. Larangan Berprasangka Buruk
15. Beriman Kepada Malaikat
16. Redha Dan Syukur Dengan Ketentuan Allah S.W.T
17. Beriman Kepada Hari Akhirat
18. Qana'ah (Merasa Cukup Dengan Apa Yang Ada)
19. Berpegang Teguhlah Dengan Tali Allah S.W.T
20. Kategori Orang Yang Berjaya Mengikut Acuan Al-Quran
21. Yakin Terhadap Pembalasan Allah S.W.T
22. Manusia Sebagai Khalifah Allah S.W.T
23. Kepentingan Ilmu Untuk Perubahan
24. Edisi Khas 'Eidul Adha-Kelebihan 10 Hari Pertama Bulan Zulhijjah
25. Keutamaan Bersedekah
26. Edisi Khas-Di Ambang 1431h Firman Allah S.W.T.
27. Fadhilat Bulan Muharam
28. Orang Pecah Amanah Dilaknat Allah S.W.T
29. Kempen Membaca Al-Qur'an (Bahagian 1)
30. Kempen Membaca Al-Qur'an (Bahagian 2)
31. Kempen Membaca Al-Qur'an (Bahagian 3)
32. Kempen Solat Sunat Dhuha Sebelum Bermula Waktu Kerja
33. Keistimewaan Dan Keajaiban Al-Qur'an
34. Berstrategi Dan Bersistematik
35. Jauhi Maksiat Untuk Mendapatkan Pertolongan Allah S.W.T
36. Maulidur Rasul 12 Rabiul Awal
37. Perhitungan Di Padang Mahsyar
38. Janganlah Kamu Merasa Lemah
39. Catatan Kebaikan Dan Keburukan
40. Makanan Untuk Rohani

1. BALASAN BAGI ORANG YANG MERINGANKAN BEBAN ORANG LAIN

Maksud Hadis Rasulullah S.A.W:

Dari Abu Hurairah r.a, Nabi S.A.W bersabda:

“Barangsiapa melepaskan seorang mukmin dari kesusahan hidup di dunia, niscaya Allah S.W.T akan melepaskan darinya kesusahan di hari kiamat. Barangsiapa yang meringankan penderitaan seorang yang susah, pasti Allah S.W.T akan meringankan penderitaannya di dunia dan akhirat. Sesiapa yang menutup keaiban seorang Muslim, pasti Allah S.W.T akan menutup keaibannya di akhirat kelak. Allah S.W.T pasti akan menolong hambaNya selagimana hambaNya berusaha menolong saudaranya...”

(Hadis Riwayat Muslim)

Pengajaran Hadis:

- Kelebihan membantu melepaskan kesusahan orang beriman, sama ada pada anggota badan mahupun harta mereka, adalah antara sebab untuk selamat daripada bebanan di hari Qiamat.
- Sesiapa yang meringankan beban orang lain, lebih-lebih lagi orang berada dalam kesusahan, Allah S.W.T akan memberikan dua balasan kepadanya iaitu kemudahan di dunia dan kemudahan di akhirat. Ini adalah janji Allah S.W.T dan Rasul-Nya.
- Allah S.W.T akan menolong orang yang membantu seseorang yang lain dalam perkara kebaikan dan ketaqwaan, bukan perkara yang membawa kepada dosa dan permusuhan.
- Dalam hubungan kita sesama saudara yang lain kita perlu sentiasa menutup keaibannya. Sudah pasti sebagai balasannya Allah S.W.T akan menutup aibnya di akhirat nanti.
- Dalam konteks kita sebagai pekerja bagi sesebuah organisasi, kita perlu sentiasa membantu rakan-rakan sekerja yang lain khususnya mereka yang berada di dalam kesusahan serta menjaga aibnya.
- Kerjasama antara satu sama lain amat penting untuk kemajuan sesebuah institusi.
- Janganlah kita mempunyai sikap pentingkan diri sendiri dan tidak menghiraukan keadaan orang lain.
- Setiap satu kebaikan yang kita lakukan pasti akan dibalas oleh Allah berlipat kali ganda.
- Realiti hidup masyarakat pada hari ini, kebanyakan mereka lebih suka untuk menjatuhkan orang lain dan mementingkan diri sendiri daripada sama-sama membantu untuk mencapai kejayaan.

2. KEUTAMAAN BUDI PEKERTI YANG BAIK

Maksud Hadis Rasulullah S.A.W:

Dari al-Nawwas bin Sam'an r.a., Nabi S.A.W bersabda:

"Kebaikan adalah budi pekerti yang baik. Dosa pula adalah perkara yang mencetuskan kegusaran pada diri dan engkau membenci orang lain mengetahuinya".

(Hadis Sahih diriwayatkan oleh Muslim)

Pengajaran Hadis:

- Hadis ini menggesa umat Islam supaya berakhlak mulia kerana ia merupakan ciri kebaikan yang terbesar.
- Akhlak mulia itu dapat dinilai dengan cara mempamerkan budi pekerti yang baik dalam urusan seharian.
- Tanda seseorang itu telah melakukan dosa ialah dirinya akan sentiasa berasa gusar dan dia berasa benci jika orang lain mengetahui apa yang dilakukan olehnya.
- Dalam urusan kerja seharian, kita boleh mengetahui sama ada perkara yang kita lakukan itu baik ataupun tidak berdasarkan hadis ini.
- Sebagai seorang pekerja bank, mempamerkan budi pekerti yang baik kepada pelanggan adalah satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan.
- Dengan budi pekerti yang baik, pelanggan akan berasa senang dan selesa untuk berurusan dengan kita. Inilah contoh perkhidmatan pelanggan yang terbaik di dalam sesebuah institusi Islam.

3. EDISI AIDIL FITRI-DATANGNYA AIDILFITRI, BERAKHIRNYA RAMADHAN

Firman Allah S.W.T:

"Bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan, maka hendaklah dia berpuasa dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah ia berbuka, kemudian wajiblah dia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. (dengan ketetapan yang demikian itu) Allah S.W.T mengkehendaki kamu beroleh kemudahan dan Dia tidak mengkehendaki kamu menanggung kesukaran. dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan) dan supaya kamu membesarkan Allah S.W.T kerana mendapat petunjukNya dan supaya kamu bersyukur."

(Al-Baqarah: 185)

Pengajaran Ayat:

- Ayat di atas menjelaskan tentang dua peristiwa besar yang diraikan umat Islam iaitu Ramadhan al-Mubarak dan AidilFitri.
- Sedar atau tidak bulan Ramadhan sudah sampai penghujungnya, dan Aidilfitri pula akan menjelang tiba.
- Bagi yang sedar keistimewaan bulan ini, pasti merasa sedih untuk meninggalkannya. Sebaliknya, bagi yang tidak mengendakannya pasti berpesta untuk meninggalkannya. Persoalannya, bagaimanakah kita menghadapi situasi ini?
- Inilah masanya untuk kita bermuhasabah diri samada kita telah berjaya mencapai matlamat pensyariatan puasa iaitu TAQWA ataupun tidak
- Apakah pula yang dimaksudkan dengan AidilFitri?
- Ibn al-A'rabi menyebut: Hari Raya disebut eid kerana hari itu akan sentiasa muncul pada setiap tahun dan membawa kegembiraan baru. Ia juga membawa maksud 'kembali'.
- Fitri atau fitrah pula bermakna sedia kala atau bersifat asal. Pada hari itu umat Islam akan kembali kepada keadaan fitrah iaitu dibolehkan makan, minum dan yang paling penting bersih dari dosa-dosa yang lalu.
- Akan tetapi kita melihat ramai umat Islam banyak menghabiskan masa dengan berhibur yang keterlaluan, membazir dan melakukan maksiat. Sedangkan kita tahu bahawa Rasulullah S.A.W telah menunjukkan amalan-amalan yang sepatutnya dilakukan umat Islam.
- Antaranya termasuklah bertakbir, meneruskan qiamullail, mandi sunat, makan sebelum solat Hari Raya, memakai pakaian indah, berjalan menuju ke tempat solat, mengikuti jalan berbeza ketika pergi dan pulang, perbanyakkan berdoa dan ziarah-menziarahi.

4. PERTOLONGAN DAN PEMELIHARAAN DARIPADA ALLAH S.W.T

Maksud Hadis Rasulullah S.A.W:

Dari Abu 'Abbas, Abdullah bin 'Abbas r.a: Pada suatu hari saya sedang berada di belakang Rasulullah S.A.W (di atas haiwan tunggangannya), lalu sabda Baginda: "Wahai anak, aku ingin mengajar kepada kamu beberapa perkara: Peliharalah Allah S.W.T, nescaya Dia akan memelihara kamu. Peliharalah Allah S.W.T, nescaya engkau akan merasakan Dia berada bersama-samamu. Jika engkau memohon, pohonlah pada Allah S.W.T semata-mata. Jika engkau meminta pertolongan, mintalah pada Allah S.W.T semata-mata. Ketahuilah bahawa jika semua umat manusia berkumpul untuk memberikan kamu sesuatu manfaat, nescaya mereka tidak mampu memberi suatu manfaat pun melainkan dengan suatu yang telah ditakdirkan oleh Allah S.W.T untuk kamu. Begitu juga sekiranya mereka berkumpul untuk memudharatkan kamu, nescaya mereka tidak mampu memudharatkan kamu sedikitpun melainkan dengan sesuatu yang telah ditentukan Allah S.W.T. Pena telah diangkat dan lembaran catatan amal telah pun kering."

(Riwayat at-Tirmizi, menurut beliau hadis ini dinilai Hasan Sahih)

Pengajaran Hadis:

- Hadis ini menjelaskan bahawa segala yang berlaku di muka bumi adalah kehendak daripada Allah S.W.T dan Dia berkuasa ke atas semua makhluk ciptaannya. Allah S.W.T adalah satu-satunya tempat pergantungan kita.
- Sesiapa yang mengingati Allah S.W.T ketika sihat, kaya, lapang dan senang, maka Allah S.W.T akan mengingatnya ketika dia sakit, miskin, kesempitan dan susah.
- Orang beriman mestilah bermohon kepada Allah S.W.T bukan kepada selainNya. Al-Quran menyebut bahawa tiada orang yang lebih sesat daripada orang yang bermohon dan bergantung kepada selain daripada Allah S.W.T untuk membantunya.
- Setiap umat Islam wajib beriman dengan qadha dan qadar. Dengan ini kita akan sentiasa redha dengan apa yang berlaku ke atas diri kita sama ada baik atau buruk.
- Dalam kehidupan sebagai pekerja sebuah institusi Islam, kita akan sentiasa bersaing dengan institusi lain yang lebih gah dan besar. Dalam hal ini, kita perlu tanamkan rasa yakin di dalam diri kita bahawa tidak ada kuasa yang boleh memberi mudharat kepada kita melainkan Allah S.W.T.

5. PERSAUDARAAN DALAM ISLAM DAN HAK INDIVIDU MUSLIM

Maksud Hadis Rasulullah S.A.W:

Dari Abu Hurairah r.a, katanya: Saya mendengar Rasulullah S.A.W bersabda:

“Janganlah kamu saling berhasad dengki, janganlah kamu saling menawarkan harga yang lebih tinggi tanpa niat untuk membeli sesuatu barang, janganlah kamu saling membenci, janganlah kamu saling memalingkan muka antara satu sama lain (bermasam muka), dan janganlah sebahagian kamu membeli atas pembelian sebahagian yang lain. Jadilah kamu sekalian sebagai hamba-hamba Allah S.W.T yang bersaudara. Seorang Muslim adalah saudara kepada Muslim yang lain, ia tidak boleh menganiayanya, tidak boleh mendustainya, dan tidak boleh menghina...”

(Hadis Riwayat Muslim)

Pengajaran Hadis:

- Hadis ini mengingatkan kita bahawa haram berhasad dengki sesama kita.
- Hasad dengki merupakan tindakan yang menyanggah ketetapan Allah S.W.T dan adab yang buruk. Ini kerana orang yang berhasad dengki menunjukkan bahawa dia tidak rela dengan pemberian Allah S.W.T kepada seseorang.
- Hasad menjadi punca iblis enggan sujud kepada Nabi Adam a.s. Malah menjadi punca kaum Quraisy enggan beriman dengan Rasulullah S.A.W.
- Hadis ini juga mengingatkan kita bahawa kita dilarang sama sekali untuk benci-membenci antara sesama Muslim. Perkara ini dapat dielakkan dengan sentiasa memberi salam, senyum, dan tolong-menolong.
- Rasulullah S.A.W melarang kita memutuskan hubungan persaudaraan antara Muslim. Allah S.W.T tidak akan mengangkat amalan orang yang bertelingkah dengan sahabatnya sehinggalah mereka berdamai.
- Dalam persekitaran kerja, pasti ada dikalangan kita yang merasa tidak senang dengan apa sahaja kelebihan yang diperolehi oleh sahabat yang lain, maka akan timbullah perasaan hasad dengki dan rasa untuk menjatuhkan sahabatnya itu.
- Sesungguhnya perasaan hasad dengki ini akan menyebabkan hilang semangat kesatuan diantara kita, maka segala kerja yang dilakukan akan menjadi sukar.
- Apabila kita tidak membendung perasaan hasad dengki ini, maka ia akan menjadi wabak yang menyebabkan kita sukar untuk mencapai apa yang telah disasarkan, dan akhirnya kita sendiri yang akan menjatuhkan institusi Islam yang kita dokong ini.

6. PUNCA KELEMAHAN UMAT ISLAM

Maksud Hadis Rasulullah SAW:

“Akan datang suatu masa, di mana seluruh umat akan meluru kepada kamu seperti orang-orang yang sedang kelaparan meluru kepada pinggan yang berisi makanan...!”

Para sahabat bertanya, ‘Apakah kerana bilangan kami (kaum Muslimin) ketika itu sedikit?’

Jawab Baginda, “Bukan, bilangan kamu pada ketika itu banyak, namun kamu hanya laksana ‘buih’ air bah (banjir) yang mengalir. Pada ketika itu Allah S.W.T akan mencabut rasa gerun dan takut dari hati musuh-musuh kamu dan sebaliknya Allah S.W.T akan melemparkan penyakit ‘al-Wahan’ ke dalam hati kamu.”

Mereka bertanya lagi, “Apakah gerangan penyakit ‘al-Wahan’ itu wahai Rasulullah S.A.W?”

“Penyakit ‘al-Wahan’ bermaksud, cintakan harta benda dunia dan takut akan kematian”, jawab Rasulullah S.A.W.

(Hadis Riwayat Imam Ahmad didalam kitabnya Musnad juz5, hal.278)

Pengajaran Hadis:

- Rasulullah S.A.W mengingatkan kita bahawa kelemahan umat Islam di akhir zaman walaupun ramai bilangannya adalah berpunca daripada penyakit ‘al-wahan’ iaitu cintakan kehidupan dunia dan takutkan mati.
- Di antara contohnya, umat Islam kini berlumba-lumba untuk mencari kekayaan dunia sehingga lupa akan bekalan hidup di akhirat. Mereka takut menghadapi kematian yang pasti.
- Apa saja jalan untuk mendapatkan kekayaan meskipun ianya bertentangan dengan Syara’ dilakukannya seperti mencuri, menerima atau memberi rasuah, menipu, pecah amanah dan sebagainya.
- Sebagai contohnya, seorang pekerja mungkin sanggup pecah amanah, mencuri wang pelanggan atau menerima sogokan daripada pelanggan semata-mata untuk hidup mewah sedangkan dia tahu apa yang dilakukannya itu adalah salah.
- Sedarkah kita, sekiranya kita melakukan perkara yang bertentangan dengan syariat Allah S.W.T, ianya sedikit pun tidak akan merugikan Allah S.W.T?
- Hanya dengan kekuatan iman, persiapan ilmu dan kefahaman Islam yang mendalam mampu menjadi benteng untuk menangkis serangan penyakit ini.

7. BERPEGANG PADA SUNNAH RASULULLAH S.A.W

Maksud Hadis Rasulullah S.A.W:

Daripada al-'Irbadh ibnu Sariah r.a katanya, bahawa pada suatu hari selepas solat subuh Rasulullah S.A.W pernah memberi ingatan yang amat penting, menitiskan air mata dan menggerunkan hati. Berkata seorang lelaki, "Ini nasihat orang yang ingin berpisah (terakhir), berilah kami janji wahai Rasulullah S.A.W". Rasulullah S.A.W bersabda, "Aku berpesan bertaqwalah kepada Allah S.W.T dan taatlah kepada pemimpin, sekalipun yang memimpin itu seorang hamba Habsyi (berkulit hitam). Siapa di antara kamu yang sempat hidup pada zaman akan datang, ia akan melihat pergeseran yang banyak antara sesama Islam. Hendaklah kamu mengikut sunnah khulafa' al-Rasyidin yang mendapat petunjuk. Gigitlah ia dengan gerahammu".

(Hadis Riwayat Tirmizi)

Pengajaran Hadis:

- Nasihat ini diberikan Rasulullah S.A.W selepas menunaikan solat subuh. Pada kali ini, para sahabat merasakan seolah-olah ianya merupakan peringatan terakhir dari Rasulullah S.A.W.
- Sebagai seorang kakitangan yang mengaku beriman, hendaklah kita sentiasa mendidik jiwa supaya selalu sedar, insaf dan waspada terhadap semua perintah dan larangan Allah S.W.T dan Rasul-Nya serta arahan pemimpin selagimana tidak bercanggah dengan suruhan Allah S.W.T dan RasulNya
- Dalam sebuah institusi Islam, aplikasi hadis ini boleh dilihat ketika mana pengendalian transaksi sama ada di bahagian operasi mahupun pembiayaan dijalankan. Kakitangan yang bertanggungjawab wajib sedar dan waspada dalam memastikan transaksi yang dijalankan adalah patuh pada syariah dalam segenap aspek iaitu:
 - Memenuhi rukun-rukun dan syarat-syarat transaksi,
 - Pematuhan kepada turutan aqad,
 - Penerangan tentang terma-terma dan hak pelanggan.
- Sebarang pelanggaran kepada aspek pematuhan Syariah mungkin akan mengakibatkan kepada terbatalnya sesuatu transaksi dan secara tidak langsung mungkin menyebabkan bank memperoleh pendapatan yang diragui.
- Dari sudut yang lain, kakitangan juga wajib patuh dan taat pada arahan pemimpin pada masa senang mahupun susah selagimana arahannya itu tidak bercanggah dengan perintah Allah S.W.T, sekalipun pemimpin yang mengeluarkan arahan tersebut adalah seorang hamba Habsyi (yang hitam kulitnya).

8. TANGGUNGJAWAB ORANG YANG BERIMAN

Maksud Hadis Rasulullah S.A.W:

Rasulullah S.A.W bersabda:

“Tidak akan terlepas dua kaki anak Adam di akhirat nanti di hadapan Allah S.W.T, kecuali setelah ditanya lima perkara: Tentang umurnya di mana ia dihabiskannya, tentang waktu mudanya, di mana ia digunakan, dan tentang hartanya dari mana datangnya dan ke mana dibelanjakannya, dan apakah yang dilakukan dengan ilmunya.”

(Hadis Riwayat At-Tirmizi, no 2416; Albani: Sohih)

Pengajaran Hadis:

- Hadis ini mengingatkan kita tentang tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Allah S.W.T kepada umat manusia di dunia ini.
- Sesungguhnya hadis ini sangat bersesuaian dengan kita sebagai kakitangan sebuah institusi Islam.
- Di akhirat nanti kita akan ditanya tentang umur dan waktu muda kita. Sekiranya kita menggunakannya untuk menegakkan sistem ekonomi Islam ini, maka akan mudahlah bagi kita untuk menjawab persoalan ini di hadapan Allah S.W.T nanti.
- Persoalannya disini, adakah kita telah menggunakan sepenuhnya masa kita ketika berkerja untuk Allah S.W.T? Ingatlah bahawa setiap masa itu akan dihitung oleh Allah S.W.T nanti.
- Kita juga akan ditanya tentang harta yang kita perolehi dan ke mana kita menggunakannya.
- Oleh yang demikian sebagai seorang kakitangan, kita tidak boleh sewenang-wenangnya menggunakan harta bank untuk tujuan peribadi. Ini kerana menggunakan sesuatu yang bukan milik kita adalah sama dengan mencuri.
- Persoalan ilmu juga adalah suatu yang penting dan ianya akan ditanya di akhirat nanti. Beruntunglah bagi mereka yang menggunakan ilmu yang dikurniakan itu ke jalan kebaikan. Islam amat menggalakkan kita untuk berkongsi ilmu antara satu sama lain.

9. SALAH FAHAM KONSEP IBADAH

Kata-kata Tabi'en:

“Wahai saudara yang sedang beribadat di tanah suci

Kalau saudara melihat kami

Saudara akan ketahui saudara hanya bermain dengan ibadat

Siapa yang pipinya berlumuran airmata

Maka leher kami berlumuran darah

Kalau kudamu penat di dalam kebatilan

Maka kuda kami penat di medan perang”

(Al-Imam Abdullah bin al-Mubarak)

Pengajaran yang boleh diambil:

- Petikan dari tulisan al-imam Abdullah bin al-Mubarak kepada sahabatnya yang ber'iktikaf di Makkah dengan meninggalkan tugas jihad.
- Ibadah bukan hanya sekadar solat, puasa, berzakat dan menunaikan haji.
- Bekerja di dalam institusi perbankan Islam juga adalah salah satu daripada ibadah iaitu dengan memperjuangkan sistem ekonomi Islam dan memerangi sistem riba, akan tetapi ramai yang tidak menyedarinya.
- Disebabkan itu, ramai di kalangan kita melaksanakan kerja seharian yang telah diamanahkan Allah S.W.T dalam keadaan lalai, sambil lewa dan tidak bersemangat.
- Tidakkah para Rasul merupakan ahli-ahli ibadah yang tekun, di samping itu berjuang menegakkan kalimah Allah S.W.T?
- Begitulah Islam telah dikelirukan sehingga terkeluar apa yang ada padanya dan dikaitkan yang tidak ada, sebenarnya kita memerlukan penjelasan tentang Islam sebagai ad-Din dan memahami kewajipan menghayatinya.

10. MANUSIA YANG RUGI

Firman Allah S.W.T:

“Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.”

(Ali-Imran: 85)

Pengajaran Ayat:

- Islam tidak harus disamakan dengan pengertian agama menurut fahaman kebanyakan orang, kerana ianya perlu difahami sebagai ‘SATU CARA HIDUP’.
- Ianya lengkap merangkumi kesemua aspek kehidupan seharian manusia bermula dari Aqidah, Syariah (ibadah, ekonomi, jenayah, politik dll) dan Akhlaq.
- Akan tetapi, kita berasa sungguh pelik dan sedih kerana terdapat segelintir daripada umat Islam yang rugi di mana mereka masih lagi mencari selain dari Islam sebagai panduan dan penyelesaian masalah di dalam kehidupan individu, berkeluarga, bermasyarakat mahupun bekerja.
- Justeru, adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai anggota sebuah institusi Islam untuk mempamerkan aplikasi ‘Islam Sebagai Satu Cara Hidup’ di dalam kehidupan seharian (individu, keluarga, masyarakat, pekerjaan) kepada masyarakat sekeliling supaya mereka tertarik dengan Islam dan bukan membencinya.

11. MANUSIA YANG ZALIM DAN JAHIL

Firman Allah S.W.T:

“Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.”

(Al-Ahzab : 72)

Pengajaran Ayat:

- Allah S.W.T pernah menawarkan amanah kepada langit, bumi serta gunung-ganang tetapi mereka enggan memikulnya kerana tidak bersedia dan bimbang gagal menyempurnakannya.
- Namun begitu, manusia dengan persediaan yang ada padanya sanggup memikulnya walaupun mereka adalah lemah berbanding langit, bumi serta gunung-ganang.
- Akan tetapi sedarkah kita (manusia yang mengaku dirinya Islam serta memilih untuk bekerja di dalam institusi Islam) akan beratnya amanah ini? Amanah memperjuangkan salah satu penjuru Islam iaitu sistem ekonomi Islam.
- Justeru, jangan sesekali menjadi golongan yang zalim dan jahil dengan patah semangat, lalai mahupun leka dalam menunaikan amanah ini serta membiarkan Islam diserang melalui penjuru sistem ekonomi.

12. SERAMPANG DUA MATA

Firman Allah S.W.T:

“Sesungguhnya Engkau (Wahai Muhammad) tidak berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasihi (supaya ia menerima Islam), tetapi Allah S.W.T jualah Yang Berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya)...”

(Al-Qasas : 56)

Pengajaran Ayat:

- Salah satu dari kewajiban kita (yang bekerja di dalam sebuah institusi Islam) adalah mempromosi Islam kepada masyarakat terutamanya yang berkaitan dengan ekonomi Islam.
- Dalam mempromosikan Islam, pasti ada di kalangan masyarakat yang menerimanya dengan hati terbuka dan pasti turut ada yang menolaknya dengan pelbagai dolak dalih.
- Allah S.W.T tidak bertanya tentang kejayaan kita semata-mata (kerana Dia yang memberikan hidayah kepada seseorang untuk menerima Islam) tetapi yang paling penting ialah kita berusaha bersungguh-sungguh dan sentiasa berbesar hati di dalam mempromosikan Islam. Oleh itu, jangan sesekali mengundurkan diri sebelum berusaha.
- Sekiranya berjaya, Allah S.W.T akan memberikan kita dua (2) ganjaran iaitu ganjaran kerana berusaha dan ganjaran kerana berjaya. Namun, jangan kecewa sekiranya promosi kita ditolak kerana kita masih mendapat satu (1) ganjaran iaitu atas usaha yang telah kita lakukan.

13. HIJRAH DAN JIHAD

Maksud Hadis Rasulullah S.A.W:

Dari Aisyah r.a, katanya, Rasulullah S.A.W bersabda: “Tidak ada hijrah selepas pembukaan Makkah, yang ada cumalah jihad dan niat. Dan apabila kamu diminta untuk berperang maka berperanglah.”

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Pengajaran Hadis:

- Sesungguhnya apabila berlakunya pembukaan Makkah maka tiada lagi Hijrah bagi umat Islam, yang ada hanyalah Jihad dan Niat. Mengapa hadis ini diungkapkan oleh Baginda Rasulullah S.A.W?
- Rasulullah S.A.W mengingatkan umatnya bahawa Jihad tidak akan terhenti sehinggalah tiba hari kiamat.
- Jihad itu mempunyai maksud yang begitu luas, bukan hanya Jihad berperang menggunakan senjata. Adakah kita sedar bahawa apa yang kita lakukan sekarang (bekerja di dalam sebuah Institusi Islam) juga dikira sebagai berjihad? Kita berjihad memperjuangkan sistem ekonomi Islam dan menentang sistem yang dilaknati Allah S.W.T iaitu sistem ekonomi berasaskan riba.
- Persoalannya disini, adakah kita ini sudah benar-benar dikira berjihad? Atau apa yang kita lakukan ini adalah hanya untuk memenuhi tuntutan hidup di dunia ini semata-mata?
- Ketahuilah bahawa orang yang berjihad itu sanggup berkorban apa sahaja, bersungguh (jihad) dalam setiap perlakuannya dan membulatkan niat hanya untuk Allah S.W.T. Adakah kita telah memenuhi kriteria-kriteria ini untuk digelar sebagai Mujahid (orang yang berjihad)?

14. LARANGAN BERPRASANGKA BURUK

Firman Allah S.WT:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut dan bertaqwalah kamu kepada Allah S.W.T; sesungguhnya Allah S.W.T Maha Menerima taubat, lagi Maha Mengasihani”.

(Al-Hujurat: 12)

Pengajaran Ayat:

- Islam melarang orang-orang yang beriman daripada berprasangka sesama manusia kerana kebanyakan daripada prasangka tersebut boleh membawa kepada dosa.
- Hal ini boleh berlaku kerana setiap prasangka akan mendorong seseorang untuk mengintip serta mencari kesalahan orang lain. Bilamana kesalahan telah ditemui, ianya akan membawa kepada umpat-mengumpat dan kemudiannya akan mengakibatkan kekecohan di kalangan masyarakat.
- Oleh kerana itulah, awal-awal lagi Islam telah melarang orang-orang yang mengaku beriman daripada berprasangka sesama manusia.
- Di samping itu, Islam turut menyarankan agar umatnya mendapatkan penjelasan terlebih dahulu sebelum membuat sebarang tuduhan melulu terhadap sesuatu perkara yang tidak pasti kesahihannya.
- Justeru, kakitangan disetiap peringkat perlu memastikan agar dirinya tidak terlibat ke arah sikap suka berprasangka yang dilarang oleh Islam.

15. BERIMAN KEPADA MALAIKAT

Firman Allah S.WT:

“Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkan (atau perbuatan yang dilakukan) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya)”.

(Al-Qaaf: 8)

Pengajaran Ayat:

- Ayat diatas dengan jelas menyatakan bahawa setiap dari kita pasti akan diawasi oleh malaikat.
- Persoalannya, adakah beriman kepada kewujudan malaikat ini benar-benar memberi kesan kepada kehidupan/gerak kerja kita seharian?
- Bagi orang yang yakin wujudnya malaikat pengawas ini, maka segala tindak-tanduknya akan sentiasa menjurus kepada kebaikan.
- Akan tetapi, apa yang dikesali, masih ada di kalangan kita yang tidak sedar akan hakikat ini, masih lagi mencuri masa bank untuk kerja-kerja yang tidak berkaitan dengan kerja, masih lagi berlaku penyelewengan dan masih lagi tidak menepati masa.
- Ingatlah bahawa setiap saat dan ketika CCTV (malaikat) Allah S.W.T akan sentiasa memerhatikan dan mencatat segala perbuatan kita.

16. REDHA DAN SYUKUR DENGAN KETENTUAN ALLAH S.W.T

Firman Allah S.W.T:

“... Dan boleh jadi kamu BENCI kepada sesuatu padahal ia BAIK bagi kamu dan boleh jadi kamu SUKA kepada sesuatu padahal ia BURUK bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah S.W.T jualah yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya.”

(Al-Baqarah: 216)

Pemahaman Ayat:

- Manusia sering merungut dan tidak berpuas hati dengan setiap perkara yang berlaku kepadanya padahal setiap perkara itu adalah ketetapan yang telah ditentukan Allah S.W.T.
- Yang lebih malang adalah bilamana manusia sering gagal memikirkan hikmah di sebalik setiap peristiwa yang telah berlaku.
- Oleh yang demikian, pengaplikasian konsep redha dan sentiasa bersyukur perlu disemai dalam diri setiap individu mukmin.
- Ketenangan akan sentiasa diperolehi apabila kedua-dua konsep ini difahami dengan jelas.

17. BERIMAN KEPADA HARI AKHIRAT

Firman Allah S.W.T:

“Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini (meliputi segala kesenangan dan kemewahannya, jika dinilai dengan kehidupan akhirat) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya, kalaulah mereka mengetahui (hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan hari akhirat).”

(Al-'Ankabut: 64)

Pengajaran Ayat:

- Ayat di atas dengan jelas menyatakan bahawa kehidupan di akhirat itu adalah sesuatu yang hak (benar-benar akan berlaku).
- Persoalannya, adakah beriman kepada hari akhirat ini benar-benar memberi kesan kepada kehidupan/gerak kerja kita seharian?
- Bagi orang yang yakin hari akhirat, sudah pasti segala persiapan untuk menghadapinya akan dipersiapkan di dunia.
- Ingatlah bahawa hidup di dunia ini hanyalah sebagai transit (tempat persinggahan) sebelum menghadapi kehidupan akhirat yang benar-benar abadi.
- Oleh yang demikian, hendaklah kita menggunakan peluang yang ada di dunia ini untuk mengumpul seberapa banyak amalan soleh untuk dibawa ke akhirat sana.
- Ingatlah bahawa setiap saat dan ketika kita hidup di dunia ini akan dihisab di akhirat nanti. Jika baik amalan kita, maka baiklah ganjaran di sana nanti, dan jika sebaliknya maka azab yang berat pasti menanti.

18. QANA'AH (MERASA CUKUP DENGAN APA YANG ADA)

Firman Allah S.W.T:

“Wahai manusia! Kamulah yang memerlukan Allah S.W.T, dan Dialah Yang Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu), lagi Maha Terpuji.”

(Al-Fathir: 15)

Pengajaran Ayat:

- Ayat di atas adalah ayat yang menyatakan bahawa manusia sememangnya perlu kepada Allah S.W.T dan kita haruslah merasa cukup dengan Allah S.W.T dan pemberianNya.
- Barangsiapa yang diberikan sifat qana'ah oleh Allah S.W.T, maka sesungguhnya Allah S.W.T menginginkan kebaikan bagi dirinya, kerana dengan sifat qana'ah dapat menyelamatkan dirinya daripada kehinaan mengemis, dan dapat memelihara kehormatannya daripada mengharapkan sesuatu pertolongan selain Allah S.W.T.
- Sifat qana'ah bukanlah bermaksud kita tidak perlu berusaha untuk mencapai yang terbaik di dalam hidup tetapi kita harus bekerja dengan cara yang halal dan menghilangkan sikap malas, untuk mendapatkan rezeki daripada usaha dan keringat sendiri.
- Cuba anda fikirkan, betapa indahnya pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang hamba demi untuk mencukupkan keperluan dan orang-orang tersayang di bawah tanggungannya.
- Ini kerana bekerja untuk memenuhi keperluan keluarga merupakan satu bentuk ibadah yang sangat mulia apabila disertai dengan niat yang baik dan benar, terutamanya apabila kewangan yang diperolehi dikelolakan secara baik, tidak membazir dan tidaklah pula terlalu berjimat, malah redha dengan yang sedikit, diatur cara kehidupan yang bersederhana, mengikut keadaan sewajarnya dan mencukupi.
- Di samping itu, sifat ini dapat mengelakkan kita dari lalai pada matlamat akhirat akibat terlalu mengejar dunia kerana keutamaan akan diberikan pada urusan akhirat dan urusan dunia yang menjurus kepada kebaikan di akhirat.

19. BERPEGANG TEGUHLAH DENGAN TALI ALLAH S.W.T

Firman Allah S.W.T:

“Berpegang teguhlah dengan tali Allah S.W.T, dan janganlah kamu berpecah belah”

(Ali-Imran: 103)

Pengajaran Ayat:

- Allah S.W.T menyeru kita untuk berpegang teguh dengan agama yang diredhaiNya; iaitu Deen-ul-Islam.
- Umat Islam diseru agar tidak berpecah-belah kerana perpecahan akan mengundang musibah yang merosakkan.
- Ketahuilah bahawa sekiranya kita berada di bawah satu organisasi yang memperjuangkan agama Allah S.W.T, pasti rahmat dan pertolongan Allah S.W.T akan sentiasa ada bersama orang yang bekerjasama dan bersatu-padu dalam menegakkan syiarNya.
- Tali Allah S.W.T yang dimaksudkan adalah segala suruhan dan amalan yg telah diperintahkan oleh Allah S.W.T, apa yang terkandung dalam al-Quran dan as-Sunnah Rasulullah S.A.W.
- Jelaslah, bahawa perpaduan dan kerjasama itu menjadi pokok segala kebaikan dan kemajuan sedangkan perpecah-belahan menjadi punca segala kejahatan dan hanya mengundang azab dari Allah S.W.T.

20. KATEGORI ORANG YANG BERJAYA MENGIKUT ACUAN AL-QURAN

Firman Allah S.W.T:

“Alif laam miim. Kitab (al-Quran) Ini tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertaqwa, (iaitu) mereka yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan solat, dan menafkahkan sebahagian rezeki yang kami anugerahkan kepada mereka. Dan mereka yang beriman kepada Kitab (al-Quran) yang telah diturunkan kepadamu dan kitab-kitab yang telah diturunkan sebelumnya, serta mereka yakin akan adanya (kehidupan) akhirat. Mereka itulah yang tetap mendapat Petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang-orang yang Berjaya”

(Al-Baqarah: 1-5)

Pengajaran Ayat:

- Antara ciri yang boleh membawa kejayaan kepada seseorang ialah beriman dengan perkara-perkara yang ghaib iaitu percaya wujudnya Allah S.W.T Yang Maha Pencipta misalnya, ini akan menyebabkan kita tidak menyekutukanNya.
- Segala tugas harian dilakukan semata-mata hanyalah keranaNya. Mempercayai kewujudan malaikat iaitu makhluk Allah S.W.T yang tidak boleh dilihat oleh mata kasar, akan menyebabkan kita setiasa mengawasi tuturkata dan tingkah laku kita kerana kita menyedari malaikat akan mencatatnya.
- Percaya kepada pahala dan dosa akan menghindarkan kita daripada melakukan perkara yang buruk dan maksiat walaupun secara sembunyi. Kita akan bersemangat untuk beribadah dan membuat kebaikan kerana dijanjikan dengan pahala dan ganjaran oleh Allah S.W.T.

21. YAKIN TERHADAP PEMBALASAN ALLAH S.W.T

Firman Allah S.W.T:

“Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikitpun).”

(Al-An'am:160)

Pengajaran Ayat:

- Allah S.W.T memerintahkan sekalian hambaNya agar percaya, yakin dan benar-benar beriman dengan janji-janjiNya untuk membalas perbuatan setiap manusia di dunia dan juga di akhirat.
- Keyakinan terhadap janji Allah S.W.T menjurus kepada Halawatul Iman (Kemanisan Iman). Ia juga melahirkan akhlak yang mulia kerana manusia akan merasa teruja dan berlumba-lumba untuk berbuat amal kebaikan. Dalam masa yang sama, berasa takut dan gerun untuk melakukan perbuatan yang jahat dan mungkar.
- Allah S.W.T menjanjikan kurniaan, pahala dan syurga serta kebahagiaan di dunia dan akhirat kepada sesiapa yang beriman dan beramal soleh. Dan hendaklah kita yakin bahawa janji Allah S.W.T adalah benar kerana ianya sebahagian daripada kesempurnaan iman.
- Allah S.W.T telah menjanjikan setiap amalan baik akan dibalas dengan berlipat kali ganda. Ini menunjukkan sifatNya yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang.

22. MANUSIA SEBAGAI KHALIFAH ALLAH S.W.T

Firman Allah S.W.T:

"Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi." Mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui".

(Al-Baqarah: 30)

Pengajaran Ayat:

- Manusia adalah makhluk ciptaan Allah S.W.T yang paling istimewa dan oleh sebab itu, manusialah selayaknya menjadi khalifah Allah S.W.T di muka bumi.
- Tugas memimpin (khalifah) merupakan tanggungjawab yang berat yang diamanahkan kepada makhluk manusia sehingga ianya tidak sanggup di terima oleh makhluk-makhluk Allah yang lain (Gunung-ganang, bukit-bukau, lautan dan lain-lain).
- Hanya dengan berpandukan al-Quran dan as-Sunnah sahaja, tugas tersebut dapat disempurnakan dengan sebaiknya.
- Allah S.W.T bersifat Maha Mengetahui, setiap yang kita ketahui dan setiap yang kita sendiri tidak ketahui, Dialah yang Maha Mengetahui buruk baiknya sesuatu perkara.

23. KEPENTINGAN ILMU UNTUK PERUBAHAN

Firman Allah S.W.T:

“Hai orang-orang yang beriman, apabila dikatakan kepadamu: Berlapang-lapanglah dalam majlis, lapangkanlah niscaya Allah S.W.T akan memberi kelapangan untukmu. Dan apabila dikatakan: Berdirilah kamu, maka berdirilah, niscaya Allah S.W.T akan meninggikan orang-orang yang beriman diantaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa derajat. Dan Allah S.W.T Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan”.

(Al-Mujaadilah:11)

Pengajaran Ayat:

- Sesungguhnya ayat tersebut memperjelaskan tentang martabat dan kedudukan orang berilmu pengetahuan di sisi Allah S.W.T.
- Ilmu pengetahuan amat penting dalam kehidupan manusia. Islam mengingatkan umat Islam hakikat ini menerusi pelbagai ayat Quran dan hadis tentang keutamaan ilmu.
- Penekanan terhadap kepentingan dan keperluan menuntut ilmu membuktikan bahawa Islam adalah ad-Deen yang memartabatkan ilmu pengetahuan dan orang yang berilmu.
- Oleh yang demikian, sebagai seorang Muslim hendaklah kita sentiasa menggunakan peluang dan masa yang ada untuk menuntut segala ilmu yang diredhai Allah S.W.T.

24. EDISI KHAS 'EIDUL ADHA-KELEBIHAN 10 HARI PERTAMA BULAN ZULHIJJAH

Imam al-Bukhari meriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

“Tiada suatu haripun, amalan kebaikan padanya mempunyai kelebihan melainkan pada hari-hari ini – iaitu sepuluh hari Zulhijjah-”. Para Sahabat bertanya: “Apakah juga (pengecualian itu) termasuk jihad pada jalan Allah S.W.T?”. Ujar Baginda: “Tidak juga (termasuk) berjihad pada jalan Allah S.W.T kecuali bagi seorang yang keluar dengan jiwa raga dan hartanya dan tidak membawa pulang apa-apa pun”.

Pengajaran Hadis:

10 AMALAN YANG DIANJURKAN PADA 10 HARI PERTAMA ZULHIJJAH:

1. Menunaikan ibadah haji dan 'umrah adalah merupakan sebaik-baik amalan.
2. Berpuasa pada hari-hari tersebut atau sekadar kemampuannya – terutamanya pada hari 'Arafah. Imam Muslim Rahimahullah meriwayatkan dari Abi Qatadah R.A bahawa Rasulullah S.A.W bersabda: *“Puasa pada hari 'Arafah, saya mengharap Allah S.W.T akan menghapuskan (dosa) setahun yang lalu dan setahun yang mendatang”.*
3. Bertakbir (Allahu Akbar) dan berzikir padaNya.
4. Bertaubat dan meninggalkan segala maksiat dan dosa, semoga dengan amalan baik dapat mencapai keampunan dan rahmat Allah S.W.T.
5. Memperbanyakkan amalan soleh (baik) terutama amalan-amalan sunat tambahan seperti solat sunat, bersedekah, berjihad, membaca al-Quran, menyeru kepada kebaikan, mencegah kemungkaran kerana kesemuanya akan digandakan pada hari-hari tersebut.
6. Disyari'atkan bertakbir pada beberapa hari yang mulia itu pada waktu siang atau malam terutama selepas menunaikan fardu solat lima waktu yang dikerjakan secara berjemaah. Bagi mereka yang tidak menunaikan 'ibadah haji, takbir bermula dari waktu subuh hari 'Arafah (9 Zulhijjah) dan bagi yang menunaikannya, takbir bermula pada waktu Zohor hari raya haji (10 Zulhijjah), kesemuanya berakhir sehingga waktu 'Asar pada hari ketiga belas (13) Zulhijjah.
7. Disyari'atkan amalan korban (menyembelih haiwan ternakan) pada hari raya haji dan hari-hari Tasyriq (11, 12 dan 13 Zulhijjah). Ia merupakan sunnah (amalan) Nabi Ibrahim a.s 'setelah Allah S.W.T mengujinya dengan perintah menyembelih anaknya Nabi Ismail a.s tetapi ditebus ujian itu dengan digantikan seekor haiwan untuk disembelih.
8. Imam Muslim meriwayatkan bahawa Nabi S.A.W bersabda, *“Apabila kamu melihat anak bulan Zulhijjah dan ada di kalangan kamu yang ingin berkorban (sembelih haiwan ternakan), hendaklah dia menahan dirinya dari (memotong) rambut dan kukunya,”.*
9. Setiap muslim hendaklah berusaha untuk menunaikan solat hari raya secara berjemaah, menunggu mendengar khutbah yang dibaca oleh imam selepas solat tersebut supaya mendapat pengajaran daripadanya.
10. Penuhilah hari-hari berkenaan dengan ketaatan kepada Allah S.W.T dengan berzikir, bersyukur, menunaikan perintahNya, menjauhi laranganNya, mendekatkan diri kepadaNya semoga mendapat rahmat dan keampunanNya.

25. KEUTAMAAN BERSEDEKAH

Firman Allah S.W.T:

“Maka bertaqwalah kamu kepada Allah S.W.T menurut kesanggupanmu dan dengarlah serta taatlah dan nafkahkanlah nafkah yang baik untuk dirimu. Dan barangsiapa yang dipelihara dari kekikiran dirinya, maka mereka itulah orang-orang yang beruntung”.

(Al-Taghabun: 16)

Pengajaran Ayat:

- Ayat tersebut menjelaskan tentang suruhan untuk bertaqwa kepada Allah, mentaati perintahNya serta bersedekah.
- Setiap sedekah yang diberikan akan dibalas oleh Allah S.W.T dengan kebaikan kepada pemberi sedekah tersebut, sama ada ianya menyedarinya ataupun tidak.
- Maka konsep perkongsian di antara golongan yang berkemampuan bersama golongan yang tidak berkemampuan adalah amat digalakkan di dalam Islam.
- Sesungguhnya orang yang senantiasa menghindarkan dirinya daripada sifat bakhil akan memperolehi kejayaan bukan sahaja di dunia bahkan juga di akhirat kelak.

26. EDISI KHAS-DI AMBANG 1431H FIRMAN ALLAH S.W.T.

Firman Allah S.W.T:

“Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hatimereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang Berjaya”.

(Al-Hasyr: 9)

Pengajaran Ayat:

- Hijrah berasal daripada kalimah Arab yang memberi makna berpindah dari satu daerah ke satu daerah lain.
- Allah S.W.T telah mentakdirkan satu peristiwa hijrah besar dan agung berlaku 1420 tahun lalu melibatkan Rasulullah S.A.W serta para sahabat r.a dari kota Mekah menuju ke Madinah al-Munawwarah.
- Penghijrahan mereka dari bumi Mekah semata-mata kerana mencari keredhaan Allah S.W.T. Ketulusan hati mereka ini telah dirakamkan oleh Allah S.W.T di dalam Quran.
- Sesungguhnya hijrah amat perlu dalam kehidupan kita. Bermula sahaja kehidupan di muka bumi ini menuntut kita untuk berhijrah dan terus berhijrah dari satu tahap ke tahap yang seterusnya. Paling kurang, sekadar untuk sesuap nasi sebagai usaha untuk hidup, apatah lagi dalam mencari kesenangan, keamanan, keadilan, kebahagiaan dan keselesaan.
- Islam mengajak umat manusia hidup bersatu padu dan bersaudara serta menjauhi benci membenci, fitnah-memfitnah, penganiayaan, kezaliman, noda dan maksiat serta penentangan terhadap syariat yang diturunkan menerusi Rasulullah S.A.W.
- Syarat utama yang perlu dipatuhi ialah berpaksi pada asas aqidah yang teguh, akhlak yang tinggi serta melakukan amalan yang betul berlandaskan panduan Quran dan as-Sunnah. Ukhuwwah di antara kaum Ansar dan Muhajirin semasa peristiwa hijrah ini di mana mereka tidak langsung mementingkan diri, haruslah diteladani oleh umat Islam masa kini.
- Sesungguhnya Allah S.W.T telah meletakkan bahawa orang-orang yang pemurah dan tidak mementingkan diri sendiri adalah tergolong di dalam golongan orang-orang yang berjaya.
- Oleh itu, marilah kita sama-sama menghayati dan mempraktikkan nilai-nilai murni yang terdapat dalam peristiwa hijrah kerana di dalamnya terkandung seribu satu hikmah dan pengajaran.

27. FADHILAT BULAN MUHARAM

- Bulan Muharram turut mempunyai kelebihan di sisi Allah S.W.T. Disamping bermulanya penghijrahan umat Islam dari Mekah ke Madinah suatu ketika dahulu, ianya lebih memberi keuntungan kepada mereka yang ikhlas mengerjakan amal ibadat kepadaNya.
- Amal ibadat yang disebut supaya dilaksanakan ialah berpuasa. Bahkan terdapat hadis yang menyebut bahawa, puasa yang lebih afdhal selepas bulan Ramadhan ialah puasa di bulan Muharram. Abi Hurairah r.a berkata, sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:
- *"Puasa yang paling afdhal selepas Ramadhan ialah bulan Muharram dan solat yang lebih afdhal selepas solat fardhu ialah solat malam (tahajjud) "*.
- Hari Asyura' iaitu hari ke-10 dalam bulan Muharram. Ibadat puasa yang dilaksanakan pada bulan Muharram akan lebih bermakna sekiranya dilakukan pada hari tersebut. Dari Aisyah r.a telah berkata: "Sesungguhnya kaum Quraisy berpuasa Asyura' pada zaman jahiliyah dan sesungguhnya Rasulullah S.A.W berpuasa Asyura'. Maka, apabila berhijrah ke Madinah, Baginda berpuasa dan menyuruh supaya berpuasa. Maka apabila difardhukan puasa di bulan Ramadhan, Baginda bersabda: *Sesiapa berkehendak, puasalah dan sesiapa yang berkehendak, tinggallah."*
- Tetapi, Nabi S.A.W memerintahkan supaya turut berpuasa pada hari sebelumnya. Ini adalah bertujuan untuk membezakan antara puasa orang Yahudi dan Nasrani yang hanya berpuasa pada hari ke-10 yang turut menjadi hari kebesaran mereka. Iaitu, barangsiapa yang ingin berpuasa pada Hari Asyura' maka, hendaklah turut berpuasa juga pada hari ke-9. Sekiranya seseorang itu tidak berpuasa pada hari ke-9, maka disunatkan untuk berpuasa pada hari yang ke-11.

28. ORANG PECAH AMANAH DILAKNAT ALLAH S.W.T

Maksud hadis Rasulullah S.A.W:

“Tidak sempurna iman barangsiapa yang tidak amanah, dan tidak sempurna agama barangsiapa yang tidak menunaikan janji”.

(Hadith Riwayat Ahmad)

Pengajaran Hadis:

- Sifat amanah adalah prasyarat dalam menilai keimanan seseorang. Orang yang pecah amanah dan tidak melaksanakan apa yang dipertanggungjawabkan serta menyeleweng adalah salah satu daripada tiga sifat orang-orang munafik iaitu apabila diberikan sesuatu amanah, dia khianat.
- Amanah adalah sifat terpuji yang mesti wujud dalam diri setiap manusia pada asasnya dan ia mesti diamalkan pada setiap saat di mana sahaja kita berada, terutamanya dalam menjalankan amanah di pejabat, apatah lagi kita mendapat hasil atau gaji daripada apa yang dikerjakan.
- Maksud sabda Rasulullah S.A.W: *“Empat perkara sekiranya kamu memilikinya, kamu tidak akan ditimpa (balasan) terhadap apa yang kamu tidak buat di dunia: Jaga amanah, bercakap benar, berakhlak baik dan mengawal pemakanan (halal dan haram).”*
- Menurut riwayat Muslim, Rasulullah S.A.W telah bersabda bahawa, *“Sesiapa yang menipu, maka bukanlah ia dari golongan kami”.*
- Kita harus ingat bahawa setiap orang akan disoal mengenai amanah dan tanggungjawab yang dipikulnya pada hari perhitungan nanti sebagaimana maksud firman Allah S.W.T dalam ayat 38 al-Mudathir bahawa setiap anggota tubuh dipertanggungjawabkan terhadap aktiviti yang dilakukan dan tiada siapa yang dapat lari di hadapan Allah S.W.T nanti.
- Allah S.W.T telah menjanjikan balasan dan azab yang dahsyat bagi orang yang pecah amanah, dan tiada siapa pun yang dapat lari daripada setiap kejahatan yang dilakukan sama ada di dunia atau pun di akhirat.
- *“Dan tiadalah patut bagi seseorang Nabi itu (disangkakan) berkhianat (menggelapkan harta rampasan perang), dan sesiapa yang berkhianat (menggelapkan sesuatu), ia akan bawa bersama pada hari kiamat kelak apa yang dikhianatnya itu; kemudian tiap-tiap seorang akan disempurnakan (balasan bagi) apa yang telah diusahakannya, sedang mereka tidak akan dikurangkan sedikitpun (balasannya)” (Ali Imran : 161)*
- Oleh itu, kita sebagai pemegang amanah haruslah sentiasa mengingatkan diri sendiri dan diri orang lain tentang kepentingan menjaga amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Di sisi kanan dan kiri kita sentiasa ada malaikat yang setia memerhatikan amalan kebaikan dan kejahatan kita tanpa leka sebagai bukti amalan kita di hadapan Allah S.W.T nanti.

29. KEMPEN MEMBACA AL-QUR'AN (BAHAGIAN 1)

Maksud Hadis Rasulullah S.A.W:

Abu Umamah Al-Bahiliy r.a. berkata: Aku mendengar Rasulullah S.A.W bersabda: "Bacalah oleh kalian semua Al-Qur'an, kerana ia akan datang pada hari kiamat nanti sebagai pembawa syafaat bagi para pembacanya".

(Hadith Riwayat Muslim)

Fadhilat Membaca Al-Qur'an:

- Al-Qur'an ialah kalam Allah S.W.T dan merupakan satu bentuk ibadah. Sekiranya seseorang membaca Al-Qur'an akan datang padanya syafaat pada hari Kiamat. Ini kerana Al-Qur'an adalah bersih dan suci.
- Dari Aisyah r.a. berkata, Nabi S.A.W bersabda: *"Seseorang yang membaca Al-Qur'an sedang ia mahir dalam membacanya, maka bersamanya malaikat utusan Allah S.W.T yang baik. Dan orang yang membacanya dalam keadaan tergagap-gagap (payah) maka baginya dua pahala."*
- Yang dimaksudkan dari hadis tersebut ialah: orang yang membaca Al-Qur'an sedangkan dia mahir dalam bacaannya, dijanjikan bersama-samanya malaikat yang mulia (pemimpin para malaikat). Adapun mereka yang membaca Al-Qur'an dalam keadaan tergagap-gagap (payah), dijanjikan baginya dua pahala iaitu pahala bacaannya dan kesungguhan dan usahanya untuk membaca Al-Qur'an tersebut.
- Membaca Al-Qur'an bukanlah disyaratkan pada sekali khatam sahaja, tetapi perlu dijadikan amalan dan berterusan. Terdapat hadis lain yang menyebut, bahawa pahala bacaan Al-Qur'an ialah pada setiap hurufnya (setiap huruf baginya 10 ganjaran pahala).
- Bagi orang yang memahami Al-Qur'an pula akan sentiasa mendapat ilmu dan pengetahuan kerana berkat Al-Qur'an. Inilah kelebihan Al-Qur'an yang tidak terdapat pada kitab-kitab lain sebelumnya.

30. KEMPEN MEMBACA AL-QUR'AN (BAHAGIAN 2)

Maksud Hadis Rasulullah S.A.W:

“Seorang yang membaca Al-Quran sedang dia mahir dalam membacanya, bersamanya malaikat utusan Allah S.W.T yang baik. Dan orang yang membaca Al-Quran dalam keadaan tergagap-gagap (berkeadaan payah), maka baginya dua pahala”.

(Hadis Riwayat Muslim)

Fadhilat Membaca Al-Qur'an:

- Allah merahmati orang yang membaca Al-Qur'an. Bahkan orang yang menghafal dan memahami isi kandungannya mempunyai kedudukan di sisi Allah S.W.T. Telah dinyatakan dalam Al-Qur'an bahawa sebaik-baiknya di antara kita adalah orang yang belajar Al-Qur'an dan orang yang mengajarnya.
- Oleh itu, kita harus mengambil inisiatif dalam memahirkan pembacaan Al-Qur'an kita dari segi sebutan makhraj huruf yang betul beserta hukum tajwid agar bacaan kita menjadi lebih sempurna. Dengan bacaan yang sempurna, kita dapat membantu orang lain dalam memperbaiki bacaan mereka.
- Membaca Al-Qur'an juga merupakan salah satu cara mendekatkan diri kita kepada Allah S.W.T dan mengingatiNya. Ia juga adalah salah satu terapi untuk menenangkan hati dan jiwa manusia yang selalu dalam keresahan dan kegelisahan.
- Umat Islam digalakkan membaca Al-Qur'an kerana Al-Qur'an adalah kalamullah (kata-kata Allah S.W.T). Apabila kita membaca Al-Quran dengan khusyuk serta memahami dan menghayati setiap ayat yang dibaca, secara tidak langsung kita seolah-olah sedang berbicara dengan Allah S.W.T.
- Oleh itu, kita harus memperbanyakkan membaca Al-Qur'an dengan memerhatikan maknanya dan memperindahkan suara dengan penuh hormat dan adab. Jangan membiasakan diri kita untuk meninggalkan bacaan Al-Qur'an kerana ia menyebabkan kita lupa pembacaannya dan mengundang dosa.

31. KEMPEN MEMBACA AL-QUR'AN (BAHAGIAN 3)

Firman Allah S.W.T:

"Kitab Al-Quran ini tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah S.W.T dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa."

(Al-Baqarah: 2)

Fadhilat Membaca Al-Qur'an:

- Allah S.W.T telah berfirman dengan jelas bahawa Al-Qur'an adalah kitab yang tidak terdapat keraguan padanya.
- Al-Qur'an juga merupakan petunjuk yang diturunkan Allah S.W.T kepada orang-orang yang bertaqwa dan beramal soleh kerana hanya golongan ini sahaja yang menyedari dan menghargai kebesaran Al-Qur'an.
- Ayat-ayat yang terkandung di dalam Al-Qur'an mengandungi 1001 hikmah tersendiri. Sebagai contoh, Rasulullah S.A.W telah bersabda bahawa : *"Barangsiapa yang membaca Al-Ikhlash, seolah-olah dia telah membaca 1/3 Al-Qur'an"*

(HR Ahmad & Nasa'i)

- Sabda Rasulullah S.A.W: *"Setiap sesuatu mempunyai hati, dan hati bagi Al-Qur'an adalah Yasin. Barangsiapa membaca Yasin, Allah S.W.T akan menulis pahala baginya seumpama ia membaca seluruh Al-Qur'an sebanyak sepuluh kali."*
- Ayat-ayat Al-Qur'an adalah penawar bagi segala penyakit dan keduakaan. InsyaAllah, orang yang sentiasa dekat dengan Al-Qur'an dan beramal dengannya akan dipelihara daripada segala musibah.
- Oleh itu, kita mestilah berusaha maenambahkan ilmu mengenai Al-Qur'an di samping memperbanyakkan bacaannya. Jangan kerana kesibukan duniawi menghalang kita dalam mengenali ayat-ayat Allah S.W.T yang agung. Berusahalah untuk membacanya setiap hari walaupun sedikit tetapi berterusan (istiqamah).

32. KEMPEN SOLAT SUNAT DHUHA SEBELUM BERMULA WAKTU KERJA

Berkata Abu Murrâh Ath-Tha'îfi r.a. bahawasanya Nabi Muhammad S.A.W telah bersabda: Allah S.W.T telah berfirman:

“Wahai anak Adam! Bersembahyanglah untuk Aku di awal pagi, nescaya Aku akan mencukupimu di akhirnya.”

(Hadis Riwayat Ahmad)

Pengajaran Hadis:

- Solat sunat Dhuha merupakan salah satu daripada tiga solat sunat yang tidak pernah ditinggalkan oleh Rasulullah S.A.W yang ditunaikan di waktu pagi.
- Di antara kelebihan menunaikan solat Dhuha ialah Allah S.W.T akan memberi jaminan akan melaksanakan segala keperluan-keperluan keduniaan manusia setiap hari seperti yang disebut di dalam Hadith Qudsi di atas. Oleh itu solat Dhuha amatlah digalakkan.
- Dalam satu hadis yang telah diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. bermaksud : *“Kekasihku Rasulullah S.A.W telah berwasiat kepadaku, tiga perkara yang aku tidak meninggalkannya, iaitu; aku tidak tidur melainkan setelah mengerjakan witr, dan aku tidak meninggalkan dua rakaat solat Dhuha kerana ia adalah sunat awwabin, dan berpuasa tiga hari daripada tiap-tiap bulan”.*

(HR Bukhari & Muslim)

- Kelebihan solat sunat Dhuha juga dinyatakan dalam kitab “An-Nurain” bahawa Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud: *“Dua rakaat Dhuha menarik rezeki dan menolak kepapaan.”*
- Dalam satu riwayat yang lain Rasulullah S.A.W bersabda, maksudnya: *“Barangsiapa yang menjaga solat sunat Duhanya nescaya diampuni Allah baginya akan segala dosanya walaupun seperti buih di lautan.”*

(Hadis Riwayat Ibnu Majah & At-Tirmidzi)

- Daripada Anas bin Malik r.a. berkata, Aku mendengar Rasulullah S.A.W bersabda: *“Barangsiapa yang mengerjakan sembahyang sunat Dhuha dua belas rakaat, akan dibina oleh Allah baginya sebuah mahligai daripada emas”*

(HR Ibnu Majah dan At-Tirmidzi)

- Terdapat banyak fadhilat dan kelebihan solat sunat Dhuha seperti yang dinyatakan di atas dan kita hendaklah sama-sama merebut peluang dan hikmahnya serta mempertingkatkan amal ibadat seharian kita.

33. KEISTIMEWAAN DAN KEAJAIBAN AL-QUR'AN

Firman Allah S.W.T:

“Dan Al-Qur'an itu adalah kitab yang Kami turunkan dan diberkati, maka ikutilah dia dan bertaqwalah agar kamu diberi rahmat.”

(Al-An'am: 155)

Pengajaran Ayat:

- Al-Qur'an adalah kitab Allah S.W.T dan tidak ada sebarang keraguan terhadapnya. Ia adalah kitab yang terpelihara dan merupakan mukjizat yang terbesar dikurniakan kepada Rasulullah S.A.W yang mencabar kekuatan dan pemikiran manusia. Manusia tidak mampu untuk menandingi Al-Qur'an sama ada dari segi bahasa, makna dan cerita-cerita yang terkandung di dalamnya.
- Al-Qur'an merupakan kitab yang mudah difahami dan jelas maksudnya serta mengandungi aspek aqidah, ibadah, akhlak, dan mengandungi syariat serta perundangan untuk kehidupan manusia. Al-Qur'an juga memberi dalil-dalil yang jelas tentang keesaan Allah S.W.T.
- Gaya uslub dan hikmah yang tinggi yang terdapat di dalam kitab ini tidak boleh ditandingi dan ia adalah bukti yang amat jelas bahawa ianya adalah kalam suci Allah S.W.T.

34. BERSTRATEGI DAN BERSISTEMATIK

“Kebenaran yang tidak bersistem akan dapat dikalahkan dengan kebatilan yang bersistem.”

- Saidina Ali bin Abi Talib -

Pengajaran:

- Islam amat menitikberatkan segala aspek termasuklah melakukan sesuatu kerja dengan membuat perancangan yang sistematik.
- Rasulullah S.A.W amat mementingkan perancangan yang sistematik. Contohnya usaha keras baginda dan para sahabat dalam membina negara Islam dan menyusun strategi dakwah dan peperangan, hasilnya tersebar syiar Islam ke seluruh dunia.
- Seorang yang memahami tentang perancangan yang sistematik dan memiliki kemahiran mengurus, mampu memastikan kerja dapat diselesaikan dengan baik.
- Dalam konteks pengurusan, prinsip keimanan perlu diutamakan sama ada dalam pembinaan konsep, pandangan, sikap, gaya berfikir sehinggalah penentuan bentuk tindakan dalam organisasi.
- Rasa keimanan sebegini di kalangan pekerja akan meninggalkan impak positif ke arah melahirkan generasi dan organisasi yang bermoral.
- Dengan kesedaran ini, kita haruslah merancang setiap kerja dengan sistematik agar misi dan visi tercapai. Kegagalan dalam merancang menyebabkan institusi Islam terus lemah dan gagal.
- Setiap perancangan haruslah disertakan dengan gerak kerja supaya adanya penyelarasan.

35. JAUHI MAKSIAH UNTUK MENDAPATKAN PERTOLONGAN ALLAH S.W.T

Petikan wasiat daripada Saidina Umar Al-Khattab r.a. kepada ketua tenteranya iaitu Saad Bin Abi Waqas ketika beliau mengutuskannya untuk pembukaan Parsi:

“Aku memerintahkan kepada kamu dan mereka yang bersama-sama kamu supaya menjauhkan diri daripada maksiat kerana sesungguhnya dosa-dosa yang dilakukan oleh tentera Islam adalah lebih aku takuti daripada musuh-musuh Islam. Sesungguhnya orang-orang Islam telah mendapat pertolongan daripada Allah S.W.T disebabkan oleh kemaksiatan yang telah dilakukan oleh pihak musuh. Jika bukan kerana hal itu, nescaya tidak ada bagi orang-orang Islam, kekuatan.”

Pengajaran:

- Umat Islam hendaklah menjauhkan diri dari segala jenis dosa dan maksiat kerana dosa dan maksiat menyebabkan pertolongan Allah S.W.T jauh daripada kita.
- Sesuatu kegagalan kadang-kadang berpunca daripada dosa dan maksiat yang kita lakukan.
- Sebagai pejuang dalam institusi Perbankan Islam, kita haruslah menghindarkan diri daripada melakukan dosa dan maksiat.
- Sesuatu dosa dan maksiat yang dilakukan oleh diri sendiri lebih berbahaya daripada dosa dan maksiat yang dilakukan oleh pihak musuh.
- Pertolongan daripada Allah S.W.T tidak datang dengan percuma, hanya yang benar-benar layak sahaj berhak menerima pertolongan dari-Nya.

36. MAULIDUR RASUL 12 RABIUL AWAL

Firman Allah S.W.T:

“Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah S.A.W itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah S.W.T dan (kedatangan) pada hari qiamat dan dia banyak menyebut nama Allah S.W.T.”

(Al-Ahzab: 33)

Pengajaran Ayat:

- Rasulullah S.A.W merupakan contoh terbaik (qudwah hasanah), yang harus dijadikan ikutan oleh seluruh umat manusia. Baginda mempunyai akhlak yang terpuji sehinggakan disenangi dan dihormati oleh kawan dan lawan.
- Baginda sangat patuh dalam setiap perintah Allah S.W.T dan sentiasa meningkatkan kualiti ibadahnya walaupun telah dijanjikan syurga oleh Allah S.W.T.
- Baginda juga merupakan seorang pemimpin organisasi Islam yang sangat komited dalam menegakkan dan membangunkan negara Islam sehingga tersebar ke seluruh dunia.
- Baginda juga merupakan contoh terbaik dalam hal kekeluargaan, di mana Baginda adalah seorang suami, ayah dan saudara mithali yang sangat mengambil berat akan ahli keluarganya.
- Dari segi tanggungjawab sosial, Baginda adalah jiran yang sentiasa mengambil tahu akan kebaikan tetangganya.
- Kita sebagai umat Nabi Muhammad S.A.W haruslah mencintai Baginda sebagaimana cinta Baginda kepada umatnya, dan kita hendaklah menjadikan Baginda sebagai ‘role model’ dalam kehidupan kita.
- Perbanyakkanlah selawat ke atas Baginda dan berusaha mengamalkan sunnahnya.
- Sesungguhnya kelahiran Baginda membawa rahmat ke seluruh alam dan bagi sesiapa yang mengikuti ajaran Baginda akan beroleh keuntungan di dunia dan di akhirat.

37. PERHITUNGAN DI PADANG MAHSYAR

Firman Allah S.W.T:

“Tambahan pula pada masa Jibril dan malaikat-malaikat yang lain berdiri bersaf-saf (menunggu perintah Allah S.W.T), tidak ada yang berani berkata-kata (memohon pertimbangan) melainkan yang telah diizinkan baginya oleh Allah Yang Maha Pemurah , serta ia berkata benar. Itulah keterangan-keterangan mengenai hari (Qiamat) yang sungguh tetap berlakunya: maka sesiapa yang mahukan kebaikan dirinya, dapatlah ia mengambil jalan dan cara kembali kepada Tuhannya (dengan iman dan amal yang soleh)! Sesungguhnya (dengan keterangan-keterangan tersebut), Kami member amaran kepada kamu mengenai azab yang dekat (masa datangnya), - iaitu hari seseorang melihat apa yang telah diusahakannya; dan orang yang kafir akan berkata (pada hari itu): “Alangkah baiknya kalau aku menjadi tanah supaya aku tidak dibangkitkan untuk dihitug amalku dan menerima balasan”.

(An-Naba': 38-40)

Pengajaran Ayat:

- Orang yang beriman dan beramal soleh semasa hidupnya di dunia akan mendapat ganjaran setimpal dengan amalan sehariannya semasa di dunia.
- Manakala bagi orang-orang selalu berbuat kejahatan dan maksiat dan tidak pernah bertaubat memohon keampunan kepada Allah S.W.T sudah pasti menerima siksa api neraka dan azab yang pedih.
- Kita haruslah sentiasa memastikan setiap perbuatan dan pekerjaan selari dengan kehendak Syariah.
- Kita haruslah amanah dalam menjalankan tugas di pejabat, menghormati rakan sekerja dan saling bekerjasama dalam menjalankan tanggungjawab terutama dalam memperjuangkan sistem perbankan Islam.
- Semasa di Padang Mahsyar, semua manusia tidak terlepas dari dihitug amal perbuatan. Oleh itu gunakan peluang yang diberikan oleh Allah S.W.T untuk memperbaiki diri dan takutlah akan siksaan Allah S.W.T.
- Kesedaran dan penyesalan tidak berguna sekiranya jasad kita sudah tidak bernyawa lagi.

38. JANGANLAH KAMU MERASA LEMAH

Firman Allah S.W.T:

“Janganlah kamu merasa lemah dan berdukacita, sebaliknya kamu orang yang tinggi jika kamu beriman.”

(Al-Imran: 139)

Pengajaran Ayat:

- Sebagai manusia biasa kita memang tidak pernah sunyi dari masalah dan membuatkan kita merasa lemah atas masalah yang menimpa kerana ketidaksempurnaan diri kita.
- Masalah yang menimpa diri kita adalah ujian dari Allah S.W.T yang mengukur sejauh mana tahap keimanan dan ketaqwaan kita kepadaNya kerana sebagai manusia kita sering lalai dan terlupa tanggungjawab kita terhadap Allah S.W.T.
- Ujian yang diberikan Allah S.W.T kepada hambanya adalah seiring dengan keupayaan individu dalam melaksanakannya.
- Oleh itu yakinlah dengan janji Allah S.W.T dan jangan cepat berputus asa sebaliknya tingkatkan usaha dan kuatkan semangat diri kita.
- Ujian yang datang juga merupakan tanda bahawa Allah S.W.T menyayangi hamba-hambaNya. Oleh itu, kita perlu menilai dan muhasabah diri kerana setiap perkara yang datang dari Allah S.W.T ada hikmah yang tersendiri.

39. CATATAN KEBAIKAN DAN KEBURUKAN

Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud:

“Allah S.W.T telah berfirman, jika hambaKu berniat untuk melakukan keburukan, jangan kalian (para malaikat) mencatat keburukannya sehingga dia melakukannya. Jika dia melakukannya maka tulislah dengan seumpamanya. Jika ia meninggalkannya keranaKu, tulislah untuknya satu kebaikan. Jika ia berniat melakukan kebaikan dan belum melakukannya maka tulislah (ganjaran) sepuluh kali ganda hingga 700 kali ganda.”

(Hadis Riwayat Bukhari & Muslim)

Pengajaran Hadis:

- Manusia harus sentiasa mengingati bahawa setiap perlakuan dan perbuatan akan dicatat oleh malaikat yang diutus oleh Allah S.W.T pada setiap masa.
- Amalan keburukan hanya akan dicatat setelah manusia melakukan perkara tersebut kerana Allah S.W.T telah melarang malaikat mencatat sekiranya manusia hanya berniat untuk melakukannya.
- Manakala bagi amalan kebaikan akan segera dicatat walaupun ia baru diniatkan. Malah ganjaran yang diberikan sepuluh hingga 700 kali ganda, apatah lagi jika ia dilaksanakan.
- Jelas sekali, amat mudah untuk kita mengumpul pahala sebagai bekalan selepas mati walaupun dengan hanya diniatkan sahaja tanpa bertindak melakukan perkara tersebut.
- Tetapi ia tidak bermakna kita boleh mengambil kesempatan atas keringanan yang telah diberikan Allah S.W.T terhadap manusia, bahkan jika kita melaksanakannya ganjaran Allah S.W.T berlipat ganda. Di samping itu kita perlu melakukan sesuatu kerja dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh.
- Hadis ini menunjukkan betapa kasih dan sayangnya Allah S.W.T terhadap hamba-hambaNya. Sebagai kesimpulan, hadis ini seharusnya dijadikan sebagai galakan untuk kita melakukan amalan kebaikan pada setiap masa dengan ikhlas.

40. MAKANAN UNTUK ROHANI

Firman Allah S.W.T:

“Makanlah dan minumlah kamu dari rezeki Allah S.W.T itu.”

(Al-Baqarah: 60)

Pengajaran Ayat:

- Manusia sangat mementingkan makanan dan minuman bagi memperolehi jasmani atau fizikal yang kuat dan sihat untuk menjalani kehidupan seharian.
- Namun manusia sering tidak mengendahkan keperluan rohani yang juga memerlukan ‘makanan’ dan ‘minuman’ tersendiri bagi membina rohani.
- Apabila tidak makan, fizikal akan lemah dan tidak berdaya, begitu juga dengan rohani yang mempunyai keperluan yang sama.
- Berdasarkan ayat yang telah dinyatakan, ia bukan merujuk kepada makanan jasmani sahaja, tetapi secara tidak langsung ia menyentuh keperluan rohani dan spiritual.
- Rohani yang cukup dengan nutrisi, akan menjadikan diri seseorang itu kuat dalam menempuhi dugaan hidup.
- Antara makanan rohani adalah Zikrullah (mengingati Allah S.W.T). Zikir adalah nutrisi yang banyak mengandungi gizi untuk perkembangan rohani.
- Zikir dapat mengisi jiwa manusia yang kosong dan member ketenangan kepada sesiapa yang mengamalkannya.

